



**UCAPAN
BELANJAWAN
DEWAN BANDARAYA KUALA
LUMPUR
TAHUN 2022**

**DATUK SERI MAHADI CHE NGAH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

Tarikh : 21 Disember 2021
Masa : 12.00 PM
Lokasi : Bilik Mesyuarat
Lembaga, Tingkat 29

Bismillahir rahmannir rahim.

YBrs. Tuan Haji Anwar bin Mohd Zain,

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi,

YBhg. Datuk Tpr. Sulaiman Mohamed,

Pengarah Eksekutif Perancangan,

YBhg. Datuk Haji Azmi Abdul Hamid,

Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek,

YBhg. Datuk Sr. Kamarulzaman Mat Salleh,

Pengarah Eksekutif Pengurusan,

Pengarah - Pengarah Jabatan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,


Rakan-rakan media,

Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-
puan,

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

- 
1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita semua dapat hadir dalam sesi sidang media Belanjawan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) tahun 2022.

- 
2. Keadaan cuaca yang telah menyebabkan banjir di bandaraya Kuala Lumpur dan negeri lain telah benar-benar menguji kita.
 3. Tidak dapat dinafikan fenomena kali ini adalah luar biasa dan jauh lebih teruk dari yang biasa dijangkakan.
 4. Ia benar-benar menunjukkan perancangan dan pemerhatian adalah kunci utama bagi kesiapsiagaan kita dalam menghadapi situasi sebegini.

5. Sejak Sabtu, pasukan DBKL tidak lekang dari tanggungjawab untuk memastikan mereka yang terkesan dibantu secepat mungkin.
6. Ini termasuk kerja-kerja menyelamat di Kuala Lumpur dan bantuan juga dipanjangkan kepada mangsa banjir di Shah Alam.
7. Kerja-kerja pembersihan giat dijalankan disekitar ibukota Kuala Lumpur sejurus hujan reda pada Ahad, dan hari ini ia masih sedang berjalan.

- 
8. Hakikatnya, fenomena banjir kilat dan air bertakung boleh berlaku walaupun telah berjaya dikurangkan berbanding beberapa tahun yang lepas.
 9. Ini berbalik kepada perancangan dan kesiapsiagaan DBKL dalam menghadapi keadaan luarbiasa seperti ini.
 10. Selari dengan ini, ia mengukuhkan lagi komitmen DBKL dan ini membawa kita kepada pertemuan Belanjawan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur untuk tahun 2022.

11. Bertemakan "***Kuala Lumpur Milik Semua***", sukacita saya kongsikan bahawa Belanjawan ini telah disediakan dengan mengambil kira idea-idea yang disumbangkan oleh warga kota melalui Portal Idea Belanjawan 2022.
12. Harapan dan aspirasi DBKL adalah semoga usaha dan peruntukan yang disediakan membawa kesan positif kepada semua warga kota dalam membentuk sebuah bandaraya mampan dan inklusif.

13. DBKL telah menyediakan Belanjawan 2022 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM2.704 bilion**.
14. Ini adalah peningkatan sebanyak **(1.9%)** berbanding Belanjawan tahun 2021.
15. Daripada jumlah tersebut, **Peruntukan Mengurus** adalah berjumlah **RM1.943 bilion (71.8%)** manakala **Peruntukan Pembangunan** adalah berjumlah **RM761.3 juta (28.2%)**.

16. Peruntukan Mengurus DBKL terbahagi kepada lima (5) komponen utama iaitu :

- Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah **RM1.274 bilion (65.6%)**,
- Gaji, Upahan dan Manfaat Pekerja berjumlah **RM487.7 juta (25.1%)**,
- Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah **RM93.6 juta (4.8%)**,
- Bayaran Lebih Masa berjumlah **RM65.4 juta (3.4%)** dan
- Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

berjumlah RM21.9 juta (1.1%).

17. Peruntukan Pembangunan pula terbahagi kepada dua iaitu:
 - Pembiayaan DBKL berjumlah **RM595.1 juta (78.2%)** serta
 - Pembiayaan kerajaan dan lain-lain berjumlah **RM166.2 juta (21.8%)**.
18. **Anggaran Hasil DBKL juga dijangka meningkat sebanyak 17% daripada RM1.964 bilion pada tahun 2021 kepada RM2.298 billion pada tahun 2022.**

19. Hasil utama DBKL iaitu sudah tentunya datang dari hasil cukai taksiran berjumlah **RM1.360 bilion** yang menyumbang sebanyak **59.2%** daripada jumlah keseluruhan hasil telah meningkat sebanyak **RM70 juta (5.4%)** berbanding tahun 2021.
20. Di samping itu, hasil kawalan binaan dan perancangan juga dijangka turut meningkat kepada **RM433.5 juta** pada tahun 2022 berbanding **RM213.7 juta** pada tahun 2021 dengan peningkatan berjumlah **RM219.8 juta (102.8%)**.

21. Walaupun anggaran hasil DBKL telah meningkat sebanyak **17%**, demi kepentingan dan kesejahteraan wargakota, DBKL turut menyediakan Belanjawan 2022 yang lebih besar berbanding tahun 2021 dan menyebabkan Belanjawan 2022 mengalami defisit berjumlah **RM239.9 juta**.
22. Belanjawan DBKL Tahun 2022 yang defisit berjumlah **RM239.9 juta** ini, membuktikan DBKL sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan, kebijakan dan kesejahteraan warga kota.

23. Dengan tumpuan pada situasi banjir, antara langkah-langkah untuk mengatasi banjir kilat diteruskan pada tahun 2022 dengan penyediaan peruntukan berjumlah **RM97.9 juta** untuk melaksanakan projek-projek bagi mengatasi banjir kilat dan kerja-kerja penyelenggaraan secara berterusan terhadap semua aset-aset tebatan banjir seperti pembersihan sampah sarap di *Floating Boom, Gross Pollutant Trap (GPT), Trash Screen*, pengorekan kelodak di parit induk dan sungai serta kolam takungan, menyelenggara rumah-rumah pam banjir,

pemeriksaan berkala dan pembersihan bawah tanah supaya semua aset-aset sentiasa berfungsi dengan baik semasa hujan.

24. Antara projek-projek bagi mengatasi banjir kilat adalah Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Stesen LRT Sg. Besi & MRR2 dengan peruntukan tahun 2022 berjumlah **RM11 juta**, Projek Tebatan Banjir Di Taman Botani Perdana dengan peruntukan berjumlah **RM8 juta** pada tahun 2022, projek Mempertingkatkan Sistem

Saliran untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Sekitar Kawasan Kg. Periuk yang memperuntukkan sejumlah **RM4 juta** pada tahun 2022 dan projek Mempertingkatkan Sistem Perparitan dan Pengurusan Air Hujan untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Jalan Cheras Berhampiran Taman Desa Aman dan Taman Mutiara Barat dengan peruntukan berjumlah **RM2 juta** pada tahun 2022.

25. Ini merangkumi peruntukan mengurus sebanyak RM59 juta dan peruntukan pembangunan

sebanyak RM38 juta bagi 22 projek.

26. DBKL sedar mengenai keperluan warga kota untuk mendiami rumah kediaman yang selesa dengan kos yang rendah. DBKL sedang membina dua (2) buah Rumah Majlis (*Council Home*) yang mengandungi 2,011 unit kediaman dengan kos berjumlah **RM550 juta**.

27. Projek tersebut adalah Projek Perumahan Awam *Council Home* di Kg. Sg. Udang yang telah 99% siap dan Projek Perumahan Awam *Council*

Home di Jalan Siakap Cheras yang baru dilaksanakan kerja tanah.

28. Pada tahun 2022 pula, DBKL akan memulakan pembinaan dua (2) lagi projek Rumah Majlis (*Council Home*) yang mengandungi 2,000 unit kediaman dengan kos berjumlah **RM388 juta.**
29. Kami juga memahami kehendak dan keperluan warga kota Kuala Lumpur yang mahukan aktiviti riadah, rekreasi, kebudayaan dan pelancongan kembali dibuka kepada orang awam selari


dengan keadaan endemik Covid-19. Sehubungan dengan itu, DBKL telah menyediakan peruntukan berjumlah **RM32.87 juta** di bawah program kebudayaan, kesenian dan sukan serta pelancongan dan antarabangsa.

- 
30. Pelbagai strategi telah diatur untuk melaksanakan program dan acara bagi aktiviti riadah dan rekreasi selaras dengan gaya hidup sihat “norma baharu” kepada warga kota.
 31. Antara program yang dirancang adalah dengan mengaktifkan semula Pagi Bebas Kenderaan

Kuala Lumpur (KLCFM) dengan pengisian aktiviti seperti berlari/berjogging, berjalan, berkerusi roda, skate board, kasut beroda, skuter bateri dan aktiviti berbasikal. Selain itu, program Senam Sihat akan diteruskan dengan penjenamaan baru iaitu KULFIT yang melibatkan semua lapisan warga kota khususnya pengunjung taman-taman di sekitar Kuala Lumpur.

32. Bertepatan dengan tema Belanjawan tahun 2022, “*Kuala Lumpur Milik Semua*”, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan meliputi untuk

semua warga kota. Ini termasuk kemudahan laluan pejalan kaki turut disediakan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak. Taman-taman awam yang indah dan hijau boleh digunakan oleh semua warga kota secara percuma. Perkhidmatan terapi kuda untuk anak-anak autisme turut disediakan.

- 
- 33. DBKL juga komited dalam membangunkan semula sektor pelancongan Bandar Raya Kuala Lumpur dengan merangka beberapa program dan inisiatif yang komprehensif bagi tahun 2022. Di Kuala

Lumpur, terdapat begitu banyak produk pelancongan yang berpotensi termasuk River of Life, Jambatan Saloma Link, Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Dataran Merdeka, Kampong Bharu, Pasar Seni, Petaling Street dan Dataran Merdeka Heritage Trail dan menerusi kerjasama strategik, kami akan berusaha untuk menonjolkan tarikan-tarikan di Kuala Lumpur ini.

34. Antara tarikan baharu adalah *Kuala Lumpur Augmented City Trail (KLact)* produk pelancongan berasaskan teknologi *Augemented Reality*.

Turut dirancang adalah pelaksanaan program sambutan perayaan awam, *KL Drone Festival*, *KL River Jazz* dan pelbagai lagi program yang mampu meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Kuala Lumpur. Segala perancangan ini adalah bagi melengkapkan inisiatif Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur.

- 
35. Di samping itu, sektor kesenian dan kebudayaan merupakan antara medium utama bagi pembangunan sektor pelancongan di Kuala Lumpur. Bukan sahaja dapat memperkenalkan budaya dan

seni negara, malah aktiviti kesenian dan kebudayaan ini juga mampu menarik kehadiran pelancong di kawasan – kawasan utama pelancongan di Kuala Lumpur.

36. Pelbagai aktiviti seni dan budaya telah dirancang untuk diadakan pada tahun 2022 antaranya KL GENTA 2022, Festival Tari Kuala Lumpur, Panggung Rakyat, KL Street Jam, Semarak Panggung Bandaraya serta Seni Pementasan Teater Bangsawan. Aktiviti seni dan budaya ini berdasarkan konsep Keluarga Malaysia dengan

mengetengahkan kepelbagaian bangsa, nilai-nilai murni, adat dan tradisi.

37. Saya percaya dengan pelbagai strategi yang dilaksanakan tersebut, sektor pelancongan ini akan pulih dan dapat mengembalikan sinar kepada penggiat industri dan seterusnya akan melonjakkan semula ekonomi negara.
38. Usaha keindahan dan kecantikan bandar adalah sama penting dalam strategi menarik minat pelancong dan pelawat ke bandaraya kita.

39. Dengan ini DBKL telah menyediakan peruntukan berjumlah **RM90.4 juta** pada tahun 2022 untuk keindahan dan kecantikan bandar.
40. Jalan-jalan utama di Kuala Lumpur akan dipertingkatkan dari segi laluan pejalan kaki dan basikal, lanskap, pengcahayaan dan biodiversiti. Kerekter lanskap akan dipertingkatkan dengan penanaman pokok, elemen vertikal, perabot taman dan arca. Ini termasuk Jalan Ampang, Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Laut dan Jalan Tuanku Abdul

Rahman dengan kos projek berjumlah **RM40** juta.

41. Selain itu projek-projek pengindahan bandar untuk mempertingkatkan laluan, lanskap dan pengcayaahaan akan diteruskan di semua lokasi seperti di sekitar Jalan Petaling, Medan Pasar, Dataran Merdeka dan Wangsa Maju dengan kos projek berjumlah **RM10** juta. Kesemua projek ini dilaksanakan berlandaskan ciri-ciri rendah karbon dan biodiversiti.
42. Pengindahan lanskap turut dilaksanakan dengan

penambahbaikan ruang bandar secara aktif dan kreatif sebagai taman poket (*Pocket Park*) dan plaza dengan mengetengahkan elemen *street art* seperti Jejak Warisan dan *River of Life* serta Medan Pasar. Antara inisiatif yang dijalankan adalah dengan menghasilkan '*Place Making*' dan dijadikan elemen utama dalam penghasilan konsep *pocket park*. Antara contoh *pocket park* yang telah dibangunkan adalah Laman Medan Tuanku, Laman Sultan Ismail dan Laman Kampong Bharu.

43. Dalam memastikan Kuala Lumpur sentiasa bercahaya, beberapa inisiatif akan dilaksanakan seiring dengan Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur seperti pemasangan lampu hiasan di sebahagian kawasan di Jalan Bukit Bintang, penambahbaikan pencahayaan di kawasan ‘boardwalk’ berhampiran Countdown Clock di Dataran Merdeka serta pembaikpulihan pencahayaan di sekitar Dataran DBKL.
44. DBKL komited untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dengan menjalankan kajian dan melaksanakan projek

mempertingkat sistem aliran lalu lintas di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur.

45. Ini termasuk dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, membina jejambat, membuat perubahan di persimpangan dan menambah bilangan lorong di jalan-jalan utama.
46. Sejumlah **RM227.3** juta diperuntukkan pada tahun 2022 bagi melaksanakan projek dan program untuk mengatasi kesesakan lalu lintas. Antara projek-projek tersebut adalah projek Pembinaan Jalan Raya Bertingkat di Pusat Bandar

Damansara yang memperuntukkan sejumlah **RM52 juta** pada tahun 2022, projek Peningkatan dan Pelebaran Jalan di Jalan Yew dan Jalan Sungai Besi dengan peruntukan berjumlah **RM30 juta** pada tahun 2022 dan projek Mempertingkatkan Persimpangan Bertingkat di Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru) Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan Jalan Sekitar Kuala Lumpur dengan peruntukan berjumlah **RM25 juta** pada tahun 2022.

47. Projek-projek yang telah disempurnakan sebelum ini ternyata memberi impak positif kepada pengguna jalanraya seperti projek pembinaan pusingan-U di Jalan Imbi dan projek peningkatan sistem aliran lalu lintas di sekitar Jalan Kerinchi.
48. Selain itu, sebanyak **RM70** juta peruntukan disediakan pada tahun 2022 bagi penyewaan peralatan Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCCC) di mana 5,000 CCTV di pasang di lokasi strategik di sekitar Kuala Lumpur untuk memantau kesalahan trafik


seperti kesalahan *parking*, kenderaan berhenti di tempat yang tidak dibenarkan, kerja-kerja pemunggahan barang yang tidak dibenarkan dan lain-lain insiden berkaitan trafik.

49. Seterusnya, maklumat berkaitan dapat memaparkan di paparan VMS (Variable Message Sign) serta mengawal lampu isyarat sesuai dengan keadaan trafik semasa agar aliran trafik di Kuala Lumpur kekal lancar dan terkawal.
50. DBKL turut menyediakan peruntukan berjumlah **RM27.3 juta** pada tahun 2022 bagi

melaksanakan inisiatif pengurangan karbon di Kuala Lumpur. Sektor pengangkutan telah dikenalpasti merupakan sektor kedua terbesar dalam pelepasan karbon di Kuala Lumpur.

51. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor pengangkutan. Antaranya adalah pelaksanaan perkhidmatan bas GOKL untuk 11 laluan di Kuala Lumpur secara percuma bagi menggalakan penggunaan pengangkutan awam

dikalangan warga kota. Selain itu, penggunaan bas elektrik GOKL telah diperkenalkan pada tahun 2021 di mana dua puluh dua (22) unit bas elektrik GOKL akan beroperasi pada tahun 2022. Penggunaan bas elektrik ini akan mengurangkan pelepasan karbon berbanding pembakaran bahan bakar diesel dan petrol.

- 
52. Kami juga menggalakkan penggunaan basikal bagi mengurangkan pelepasan karbon. Oleh itu sejumlah **RM9.2** **juta** telah diperuntukkan pada tahun 2022 bagi meneruskan

pelaksanaan projek laluan basikal. Sehingga kini sembilan (9) laluan basikal sepanjang 38.9km telah disediakan bagi keselesaan dan keselamatan pada pengguna basikal.

53. Pada tahun 2022, sejumlah **RM8.5** **juta** telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2022 untuk menaiktaraf laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan stesen LRT ke kawasan tumpuan.
54. Kerja-kerja naiktaraf ini dilaksanakan bagi mempertingkatkan

infrastruktur sokongan dan memastikan kesalinghubungan dalam perkhidmatan pengangkutan awam seterusnya menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Di samping itu, Tempat Letak Kereta (*Park & Ride*) telah dibina untuk memudahkan warga kota menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan.

55. Segala usaha ini adalah selari dengan komitmen Kuala Lumpur dalam misi menjadi bandar bertaraf dunia, boleh didiami, mampan, berdaya huni

dan berdaya tahan untuk semua. Selain itu, Kuala Lumpur juga telah menetapkan sasaran untuk mencapai neutral karbon menjelang tahun 2050.

56. Peruntukan untuk inisiatif hijau, dan penggunaan tenaga boleh baharu di Kuala Lumpur akan diberi penekanan pada tahun 2022.
57. Sehubungan dengan itu, kita akan memasang beberapa panel solar di bangunan dan fasiliti di sekitar Kuala Lumpur.

58. Di antara kawasan yang telah dikenalpasti untuk pemasangan panel solar ini adalah di;
- Pusat Komuniti,
 - Taman Pudu Ulu,
 - Dewan Serbaguna Ampang Hilir,
 - Perpustakaan
 - Stadium dan Kompleks Sukan,
59. Inisiatif ini merupakan hasil usahasama DBKL bersama agensi-agensi lain.
60. Sebagai contoh, AEON, salah sebuah rangkaian kompleks membeli belah terbesar di Asia, telah mengambil tindakan

untuk menaiktaraf bangunan mereka di Wangsa Maju dan Setiawangsa menggunakan teknologi dan pendekatan rendah karbon.

61. Usaha ini bagi menyokong hasrat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjadikan Kuala Lumpur ke arah bandar neutral karbon menjelang tahun 2050.
62. Diharapkan, lebih banyak pihak swasta turut menyahut usaha ini dengan lebih meluas.
63. Bagi tujuan tersebut, Pelan Struktur Kuala Lumpur dan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur

akan memainkan peranan untuk menyokong misi dalam mengubah Kuala Lumpur menjadi Bandaraya Untuk Semua. Draf PSKL 2040 menetapkan 6 matlamat, 21 halatuju strategik dan 72 tindakan untuk mencapai visi ini. Kesemua matlamat yang ditetapkan ini selaras dengan matlamat *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *New Urban Agenda (NUA)* bagi memastikan Kuala Lumpur membangun secara inklusif, mampan dan saksama.

64. Rangkaian perkongsian maklumat perbandaran yang

memenuhi hala tuju pembangunan perbandaran mampan adalah satu perkara penting dalam menguruskan sesebuah bandar pada masa kini. *Urban Observatory* merupakan inisiatif pihak United Nation (UN) melalui UN-Habitat sebagai mekanisme bagi memantau perkembangan global dalam melaksanakan Agenda Habitat dan trend bandar global.

65. Oleh yang demikian, bagi menyokong matlamat pembangunan mampan tersebut, DBKL sedang dalam rangka membangunkan *Kuala*

Lumpur Urban Observatory (KLUO). KLUO akan berfungsi sebagai rujukan DBKL dan pihak berkepentingan dalam membentuk dasar dan membuat keputusan perancangan dalam melaksanakan komitmen Kuala Lumpur terhadap perbandaran mampan. KLUO juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas melibatkan konsep perkongsian pintar (*smart partnership*) serta perubahan *Standard Operating Procedure (SOP)* kerja berkomputer.

66. DBKL juga sedang dalam perancangan untuk

mewujudkan rangkaian Penanda Sempadan Kuala Lumpur atau *Kuala Lumpur Boundary Markers*. Rangkaian ini akan mempunyai beberapa jenis kaedah penandaan sempadan seperti Sempadan Hijau atau *Green Border*, pembinaan arca, penggunaan pencahayaan atau lampu hiasan, Mural, *street art* dan *road marking*. DBKL telah mengenalpasti 103.3km perimeter sempadan untuk dinaiktaraf dengan inisiatif ini dan 15.67km daripadanya dikenalpasti sebagai kawasan untuk tujuan *green border*

dengan kaedah *planting enrichment*.

67. Diharapkan, dengan adanya inisiatif ini, ia akan meningkatkan lagi identiti Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang terbaik yang mana warga kota dan rakyat boleh mengenalpasti lokasi keberadaan mereka apabila melintasi elemen-elemen *boundary marker* ini. Apabila mereka tahu yang mereka sedang berada di dalam kawasan Kuala Lumpur, maka rakyat akan ingat yang mereka berada di dalam sebuah bandaraya yang komited


terhadap sasaran neutral karbon. Oleh itu, mereka perlu menjaga kebersihan, tidak membuang sampah merata rata, mengurangkan pelepasan karbon dan sebagainya.

68. Bagi memastikan kelancaran perniagaan di Kuala Lumpur, DBKL sentiasa menambahbaik dalam mempermudahkan urusan permohonan dan kelulusan lesen seperti lesen premis, iklan, penjaja, hiburan dan pelbagai lagi.
69. Sistem eLesen telah dibangunkan sebagai medium pemudahcara urusan

permohonan. Sistem eLesen ditambahbaik dari semasa ke semasa agar lebih mudah dicapai dan mesra pengguna bagi menggalakkan warga kota melaksanakan urusan berkaitan pelesenan secara atas talian (*online*) selaras dengan amalan norma baharu.

- 
70. Di samping itu, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memastikan tadbir urus yang baik, penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap dan berkesan di samping mengekang ketirisan, penipuan dan rasuah, sistem eLesen telah ditambah baik dari semasa ke


semasa seperti melakukan integrasi dengan sistem Jabatan Pendaftaran Negara, sistem kompaun (SPJ) serta sistem mySMS bagi membolehkan permohonan dan pembayaran semua jenis lesen dibuat secara atas talian sepenuhnya.

- 
71. Penyampaikan perkhidmatan yang berkualiti adalah janji DBKL kepada warga Kuala Lumpur. DBKL berusaha membentuk pegawai dan kakitangan yang berkebolehan khasnya ketika berdepan dengan krisis, cekap menguruskan bandar raya

Kuala Lumpur, mempunyai integriti tinggi, bekerja dengan tekun, cepat dan pantas.

72. Pegawai yang berpengetahuan dan cekap ini berupaya bertindakbalas kepada cabaran persekitaran dan mampu bekerja dengan baik di samping meningkatkan kapasiti diri mereka sendiri secara berterusan.
73. Oleh itu, Belanjawan tahun 2022 telah memperuntukkan **RM5.38 juta** bagi tujuan program pembangunan kapasiti yang akan dilaksanakan oleh Institut Latihan DBKL (IDB).

Pembangunan kapasiti akan menghasilkan transformasi seperti perubahan pemikiran dan sikap secara berterusan dari semasa ke semasa kepada pegawai dan kakitangan DBKL dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.


- 
74. Sebanyak 437 program pembangunan kapasiti telah dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2022 yang merangkumi semua bidang dan fungsi seperti kejuruteraan, pengurusan, perancangan bandar, perundangan, teknologi maklumat dan antarabangsa.

75. Perkara-perkara baru seperti *smart city*, *SDGs* dan inisiatif-inisiatif rendah karbon juga telah diambil kira sebagai keperluan penting dalam modul-modul latihan supaya pengurusan dan pentadbiran bandar raya Kuala Lumpur adalah selari dengan trend semasa serta tidak ketinggalan.
76. IDB khususnya adalah bertanggungjawab bagi memastikan perlaksanaan program pembangunan kapasiti seterusnya menjadikan DBKL sebuah organisasi yang kuat, berupaya mencapai misi

dan visi DBKL serta menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota.

77. Bagi tujuan hebahan program yang telah dilaksanakan dan pemakluman awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menggunakan pelbagai medium hebahan dan juga rakan media bagi memastikan warga kota sentiasa menerima maklumat-maklumat penting dengan pantas dan tepat.
78. Platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan

Instagram juga menjadi platform perhubungan dengan warga kota selain penggunaan medium-medium konvensional seperti paparan besar tracklight di bangunan Menara DBKL, LED dataran merdeka, VMS ITIS di jalan2 utama dan sebagainya.

- 
79. Tidak dilupakan, rakan media yang sentiasa bersama-sama DBKL dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada warga kota. Bagi tujuan hebahan ini, sebanyak **RM3.4** **juta** telah diperuntukkan dalam Belanjawan tahun 2022.

80. Seperti pada hadirin sedia maklum, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menjaskan ekonomi negara dan secara langsung memberi kesan kepada kutipan hasil dan kedudukan kewangan DBKL secara keseluruhannya.
81. Walau bagaimanapun kami menjangkakan trend pemulihan ekonomi secara berterusan dan penurunan kes COVID-19 di Kuala Lumpur akan merancakkan semula pembangunan dan pelaburan di Kuala Lumpur pada tahun 2022.

82. Walau dengan keadaan mencabar, DBKL kekal komited kepada warga kota dan ini jelas dari peruntukan belanjawan yang telah dihuraikan tadi.
83. Tumpuan dan fokus pasukan DBKL kekal untuk terus berkhidmat kepada warga kota dalam mengharungi waktu-waktu mencabar dan tidak diduga ini.
84. Kepada pasukan DBKL, kuatkan semangat, berpegang kepada mandat tugas masing-masing dan berikan yang terbaik untuk Kuala Lumpur.

85. Semoga kita terus dilindungi oleh Allah SWT dan semoga usaha kita dirahmati dan dipermudahkan olehNya.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

